Konsep pinjaman dalam islam

pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu al-'ariyah dan al-qard.

Konsep pinjaman dalam islam

Dalam perundangan islam, pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu al-'ariyah dan al-qard.

-Al-'ariyah merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam.

al-qard ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

Definisi al-qard

-Al-qard dari segi bahasa bermaksud al-qat'u (potong).

-Dari segi istilah, al-qard merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan
dan sumber dalam
masyarakat.
3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan
umat Islam.
4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
5. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

Rukun al-Qard

1.Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)
-(a) Seorang ahli tabarru'(orang yang menguruskan harta.
-(b) (b) Tiada unsur paksaan (redha).
2.Penghutang/peminjam.
-(a) Bukan seorang yang mahjur 'alaih kerana safih, orang gila atau kanak-kanak.
-(b) Tiada unsur paksaan (redha).
-(c)Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.
3. Barang yang dipinjam.
4. Sighah(lafaz ijab qabul)

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

*Mazhab Hanbali mengatakan "sedekah adalah lebih baik daripada hutang dan tidak berdosa seseorang yang meminta tetapi tidak berhutang" .
i. Setiap hutang hendaklah ditulis.
ii.Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik.
iii.Perwarisan iaitu sebelum sesuatu harta pusaka dibahagikan secara faraid, segala hutang piutang si mati hendaklah dibereskan terlebih dahulu.
iv.Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan.

Larangan riba'

Firman Allah S.W.T dalam kitabnya:
("Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya").

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com

Kesimpulan

Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip alqard al-hasan. sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba.Jelaslah bahawa agama islam menitikberatkan tentang pengharaman riba dan jenis pinjaman yang sah disisi agama agar dapat mewujudkan negara yang bebas riba' dan aman serta dapat mewujudkan sesebuah negara agama islam yang harmoni.

Rukun al-Qard

1. Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)

*(a) Seorang ahli tabarru‘:yang boleh menguruskan harta.

3.

4.

Definisin al-qard

Al-qard dari segi bahasa bermaksud al-qat'u (potong).

By **muhammad syukri**

cheatography.com/muhammad-syukri/

Published 13th June, 2020.
Last updated 13th June, 2020.
Page 2 of 2.

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com